

# Semat impian terima anugerah bersama rakan

**Kuantan:** "Saya tidak menyangka, bukan saja memperoleh keputusan cemerlang, malah lebih manis menerima anugerah khas bersama-sama rakan karib," kata Mohd Fathil Mohd Ismail (*gambar*), 23, penerima Anugerah Pingat Diraja (Pingat Diraja Cemerlang) pada Majlis Konvokesyen Ke-9 Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, semalam.

Anak pembantu kedai berasal dari Taiping, Perak itu berkata, dia dan rakannya itu, J Saravanan, 24, menyemat impian untuk menjadi antara pelajar terbaik sebaik diterima melanjutkan pengajian Sarjana Muda Sains Gunaan di Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) di universiti berkenaan.

Dia yang kini bertugas sebagai



pembantu penyelidik di Fakulti Biologikal Sains Universiti Melaya (UM) berkata, setiakawan dan saling membantu memudahkan mereka memahami pelajaran memandangkan kedua-duanya aktif dalam pelbagai kelab dan persatuan.

"Kejayaan ini antara lain kerana kami memberi tumpuan penuh kepada pelajaran di samping tidak bertangguh untuk merujuk pensyarah jika ada topik tidak difahami dalam kelas," katanya ditemui selepas majlis konvokesyen di Kompleks Sukan Universiti UPM kampus Gambang.

Tengku Mahkota Pahang Tengku Ab-

dullah Sultan Ahmad Shah yang juga Canselor UMP mencemar duli mengurniakan anugerah berkenaan kepada Mohd Fathil dan Saravanan.